

EK

ECONEWS

MINYAK DULANG CATAT SEJARAH DALAM SEKTOR GUNATENAGA M'SIA; KATA PM

KERTEH, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kejayaan Petronas Carigali Sdn Bhd mengadakan kemudahan pengeluaran telaga minyak Dulang, kira-kira 130 km di luar pantai Trengganu, telah menempa sejarah dalam sektor tenaga yang pesat berkembang di negara ini.

Petronas Carigali adalah merupakan anak syarikat Petronas, perbadanan minyak negara yang ditugaskan untuk mencarigali minyak, dan telaga minyak Dulang yang memiliki simpanan minyak kira-kira 181 juta tong, adalah merupakan telaga minyak pertama yang telah dimajukannya daripada peringkat paling awal.

Dalam perutusan beliau sempena perasmian kemudahan peralatan Dulang dan pelancaran minyak mentah Dulang di sini hari ini, Perdana Menteri berkata pembinaan telaga minyak tersebut akan membantu meningkatkan pengeluaran minyak Malaysia dan keupayaan eksportnya. Pengeluaran minyak Malaysia kini adalah 650,000 tong sehari.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata peningkatan dalam pengeluaran akan menambahkan pendapatan kerajaan yang diperlukan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan negara akibat daripada ekonomi yang berkembang manakala peningkatan dalam pertukaran asing yang diperolehi daripada eksport minyak mentah akan membantu mempertingkatkan lagi kedudukan imbalan pembayaran negara.

Perdana Menteri hari ini telah melawat binaan pengeluaran luar pantai Dulang yang dibina di bawah Fasa Satu di mana pembinaan tersebut melibatkan kos \$1.5 bilion. Pada malam ini, beliau akan melancarkan minyak mentah Dulang dalam satu majlis makan malam di sini. -- Lagi

EK
ECONEWS
MINYAK DULANG CATAT SEJARAH 2 KERTIH

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kini hampir kesemua kelengkapan di telaga minyak Dulang dibina oleh para pembina tempatan dan ini membuktikan bahawa Malaysia telah mencapai paras keupayaan di mana +kita boleh merasa bangga dengan industri yang begitu dikenali sebagai berteknologi tinggi+.

Projek tersebut, katanya akan juga menguntungkan industri-industri sokongan tempatan yang lain di mana membolehkan mereka memperolehi pengalaman dan kepakaran untuk terus berkembang.

Sebagai contoh, \$564.4 juta atau 78 peratus daripada jumlah kontrak yang bernilai \$723.4 juta di bawah Fasa Satu projek Dulang telah diberikan kepada syarikat Malaysia. Pengecualian hanyalah diberi kepada pembinaan \$159 juta kemudahan Simpanan Pengapungan dan Pemungghahan, yang dibina oleh Mitsubishi Heavy Industries dari Japan.

Kontrak telah diberikan kepada syarikat-syarikat Malaysia dengan kerja-kerja yang dijalankan secara tempatan berjumlah \$319.31 juta, di mana 70.2 peratus atau \$224.41 juta adalah daripada syarikat-syarikat milik Bumiputera.

Dalam ucapannya, Pengerusi Petronas Tan Sri Haji Basir Ismail berkata pelancaran minyak Dulang merupakan tambahan kepada minyak mentah Malaysia yang sedia ada seperti Tapis, Miri, Labuan dan Bintulu.

Pengerusi Petronas Carigali Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata sejak penubuhan syarikat tersebut pada bulan Mei, 1978, ia telah menampakkan pertumbuhan pesat dalam fungsi-fungsinya.

Petronas Carigali adalah syarikat yang mengendalikan pelantar Duyong di luar pantai Terengganu sejak bulan April, 1980. Pada bulan Disember 1986, syarikat tersebut telah mengambilalih telaga minyak Tembungo di luar pantai Sabah dan sejak bulan April 1988, Petronas Carigali adalah syarikat yang mengendalikan sembilan buah telaga minyak di Baram Delta di Sarawak.

Telaga minyak Dulang juga telah menimbulkan beberapa masalah kepada Petronas Carigali kerana keadaan minyak mentahnya yang sungguh +melekit+ dan lokasi yang berdekatan dengan kawasan kontrak perkongsian pengeluaran bersama Petronas Carigali dan Esso Production Malaysia Inc.

Telaga minyak Dulang meliputi Blok PM6 Petronas Carigali (6G-1 dan 6G-7) dan juga blok separa 6G-2 dan 6G-8 EPMI.

Dari bulan Mei 1981 hingga Januari 1986, 12 usaha carigali dan telaga minyak percubaan iaitu lima oleh EPMI dan tujuh oleh Petronas Carigali -- telah digerudi. EPMI juga menggerudi dua buah lagi telaga penilaian pada tahun 1989 dan 1990 manakala kedua buah syarikat tersebut telah menjalani kajian seismik bersama pada tahun 1984.

Penggerudian pembangunan di Dulang bermula pada bulan November tahun lalu dan pengeluaran sebenar bermula pada 15 Mac tahun ini. -- Bernama